JOBNAME: No Job Name PAGE: 1 SESS: 1 OUTPUT: Thu Apr 17 09:18:41 2014
//caseml/case/mlj/2014_009_mlj_74

Pendakwa Raya lwn Mohd Appeni bin Abd Rahman

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN JENAYAH NO 42H-16–03 TAHUN 2013
ABDUL KARIM PK
16 OKTOBER 2013

Prosedur Jenayah — Dadah berbahaya — Pelucuthakan harta — Penyitaan wang tunai dan wang dalam Tabung Haji — Rayuan — Sama ada harta-harta tersebut terjumlah kepada harta yang tidak sah — Sama ada patut dilucut hak — Sama ada dadah dimiliki responden hanyalah untuk diguna sendiri dan bukan untuk diedar — Sama ada kesalahan dilakukan responden tidak terangkum dalam mana-mana kategori kesalahan terjadual — Sama ada keputusan hakim bicara untuk membenarkan tuntutan responden harus dikekalkan — Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 ss 25(1) & 35

Perkataan dan Frasa — 'Harta yang tidak sah' — Komponen utama — Aktiviti yang terlarang — Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 s 2

Perayu telah mengemukakan rayuan ini untuk mencabar keputusan hakim mahkamah sesyen (mahkamah bicara) yang telah membenarkan tuntutan responden/penuntut terhadap beberapa harta alih yang disita di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 ('ADB (PH)'), yang telah dirujuk ke mahkamah sesyen untuk ditentukan selaras dengan peruntukan s 32(3) Akta 1988. Responden telah ditangkap kerana kesalahan melibatkan dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Responden kemudiannya telah dituduh di mahkamah sesyen bagi kesalahan di bawah s 39A(2) ADB kerana memiliki dadah berbahaya jenis ganja. Dia telah mengaku salah dah telah dihukum. Responden juga telah disiasat di bawah ADB (PH). Selaras dengan peruntukan s 25 ADB (PH), harta alih berikut telah disita daripada responden: (i) wang tunai berjumlah RM1,900; (ii) wang dalam Tabung Haji berjumlah RM22,369.56; (iii) sebuah kereta bernombor pendaftaran BES 6443 (tidak menjadi perkara dalam rayuan tersebut). Hakim bicara memutuskan bahawa responden telah berjaya membuktikan harta yang disita bukanlah harta yang menyalahi undang-undang kerana responden telah tidak melakukan apa-apa kesalahan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB (PH). Hakim bicara seterusnya memutuskan supaya semua harta yang disita dan dituntut tersebut dipulangkan kepada responden. Isu utama dalam kes ini adalah sama ada harta alih yang disita di sini ialah harta yang tidak sah.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Terdapat beberapa kehendak atau syarat yang perlu ditunjukkan sebelum

JOBNAME: No Job Name PAGE: 2 SESS: 1 OUTPUT: Thu Apr 17 09:18:41 2014
//caseml/case/mlj/2014_009_mlj_74

sesuatu harta yang disita itu boleh dilucuthakan atau sebaliknya. Seksyen 25 mewajarkan penyitaan atas dasar adanya syak yang munasabah bahawa harta alih berkenaan merupakan hal perkara kesalahan di bawah ADB (PH), atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, atau harta itu ialah harta yang tidak sah. Namun di bawah s 32, harta itu boleh dilucuthakan selepas tamat tempoh tiga bulan ia dirampas sekiranya tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dijalankan berhubung dengan harta tersebut; tiada prosiding dimulakan oleh pendakwa raya untuk melucuthakan harta tersebut di bawah Bahagian III; dan tiada tuntutan bertulis dibuat dalam tempoh tiga bulan dari tarikh rampasan oleh mana-mana orang bahawa dia berhak secara sah ke atas harta tersebut dan harta tersebut tidak boleh dilucuthakan di bawah ADB (PH) atau ADB. Dalam keadaan di atas syak yang munasabah itu boleh mewajarkan andaian adanya sebab yang munasabah bagi harta berkenaan dilucuthakan terutamanya jika harta itu ialah harta yang tidak sah (lihat perenggan 11).

(2) Dalam kes rayuan ini tidak dinafikan atau tidak dipertikaikan bahawa tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang, termasuk ADB (PH) atau ADB, dijalankan berhubung dengan harta tersebut, dan tiada apa-apa prosiding telah dimulakan oleh pendakwa raya bagi pelucuthakan harta itu di bawah Bahagian III ABD (PH). Namun begitu andaian di bawah s 35 terpakai bagi prosiding rujukan di bawah s 32. Dalam keadaan itu, responden diperlukan untuk mematahkan andaian harta yang disita itu ialah harta yang tidak sah demi menyakinkan mahkamah untuk membenarkan tuntutannya (lihat perenggan 13).

(3) Seperti dibuktikan, dadah yang dimiliki oleh responden hanyalah untuk kegunaan sendiri dan bukan untuk pengedaran atau digunakan untuk apa-apa aktiviti yang boleh menjurus kepada kesalahan terjadual dalam Jadual Pertama ADB (PH) (lihat perenggan 17).

[English summary

The appellant had brought forth the present appeal to challenge the decision of the sessions court ('trial court') in allowing the respondent/claimant's claim against a couple of moveable properties seized under the Dangerous Drugs Act (Forfeiture of Property) 1988 ('DDA(FP)'), which was referred to the sessions court to be determined, by virtue of the provision of s 32(3) of the DDA (FP). The respondent was arrested following an offence relating dangerous drugs under the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). The respondent was then charged in the sessions court for the offence under s 39A(2) of the DDA for having in possession, the dangerous drugs cannabis. He pleaded guilty and was sentenced. The respondent was also investigated under the DDA (FP). In consistent with provision s 25 of the DDA (FP), the moveable properties seized from the respondent were: monies in the amount of RM1,900; monies in

JOBNAME: No Job Name PAGE: 3 SESS: 1 OUTPUT: Thu Apr 17 09:18:41 2014
//caseml/case/mlj/2014_009_mlj_74

Tabung Haji account in the amount of RM22,369.56; a car bearing the registration number BES6443 (not a matter within the present appeal). The trial judge held that the respondent had succeeded in proving that the seized properties were not illegal properties as the respondent had not committed any offences listed in the First Schedule of the DDA (FP). The trial court further held that all the properties seized and claimed, be returned to the respondent. The main issue in this case was whether the moveable property here was an illegal property.

Held, dismissing the appeal:

(1) There were a few requirements or conditions which had to be proven before a seized property could be forfeited or otherwise. Section 25 made seizure compulsory on the grounds that there were reasonable suspicions that the said moveable property was the ingredient of the offence under the DDA (FP), or had been utilised for the offence, or that the property was illegal. However, under s 32, the property could be forfeited after a three month lapse after its seizure if there were no prosecutions for any offences under any laws in relation to the said property; no proceedings were initiated by the public prosecutor to forfeit the property under Part III; and there was no written claim made within three months from the seizure date by anyone that he was legally entitled to the property and that the property could not be forfeited under the DDA (FP) or the DDA. In the abovementioned circumstances, reasonable suspicions could justify the presumption that there was a reasonable ground for the property to be forfeited, particularly so if the property was illegal (see para 11).

(2) In the present appeal, it could not be denied or disputed that there was no prosecution for any offences under any laws, including the DDA (FP) or DDA, being carried out in relation to the property and there were no proceedings initiated by the public prosecutor for the forfeiture of the property under Part III of the DDA (FP). However, the presumption under s 35 was applicable for reference of proceedings under s 32. In such circumstances, the respondent was required to rebut the presumption that the seized property was an illegal property in order to convince the court to allow his claim (see para 13).

(3) As proven, the drugs in the respondent's possession was for his personal use and not for trafficking or used for any activities that could tantamount to scheduled offences of the First Schedule of the DDA (FP) (see para 17).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai pelucuthakan harta, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 194.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 4 SESS: 1 OUTPUT: Thu Apr 17 09:18:41 2014
//caseml/case/mlj/2014_009_mlj_74

Kes-kes yang dirujuk

Cherian a/l KC George & Anor v PP [2012] 4 MLJ 537, MR (diikut)
Hong Leong Bank Bhd v PP [2009] 3 MLJ 546; [2009] 8 CLJ 463, MT (dirujuk)
PP v Tan Lee Kok [1998] 2 MLJ 65, MR (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 39A(2), 39B
Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 ss 2, 7, 8, 25, 32, (2), (3), 35, Jadual Pertama

Nurfarhana bt Ahmad (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Andrew Lourdes (Andrew Lourdes) bagi pihak responden.

Abdul Karim PK:

[1] Pendakwa raya, perayu, telah mengemukakan rayuan ini untuk mencabar keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana (mahkamah bicara) yang telah membenarkan tuntutan responden/penuntut terhadap beberapa harta alih yang disita di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 ('ADB (PH) 1988'), yang telah dirujuk ke mahkamah sesyen untuk ditentukan selaras dengan peruntukan s 32(3) Akta 1988.

[2] Rayuan perayu telah ditolak pada 16 Julai 2013. Perayu kini merayu ke Mahkamah Rayuan. Alasan mahkamah ini memutuskan sedemikian akan dijelaskan selepas ini.

LATAR BELAKANG RAYUAN

[3] Responden telah ditangkap pada 14 November 2011 kerana kesalahan melibatkan dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952'). Responden kemudiannya telah dituduh di mahkamah sesyen bagi kesalahan di bawah s 39A(2) ADB 1952 kerana memiliki dadah berbahaya jenis ganja. Dia telah mengaku salah dah telah dihukum.

[4] Responden juga telah disiasat di bawah ADB (PH) 1988. Selaras dengan peruntukan s 25 ADB (PH) 1988, harta alih berikut telah disita daripada responden:

(a) wang tunai berjumlah RM1,900;

(b) wang dalam Tabung Haji berjumlah RM22,369.56;

(c) sebuah kereta bernombor pendaftaran BES 6443 — (tidak menjadi hal perkara rayuan ini).

JOBNAME: No Job Name PAGE: 5 SESS: 1 OUTPUT: Thu Apr 17 09:18:41 2014
//caseml/case/mlj/2014_009_mlj_74

[5] Atas alasan harta tersebut miliknya dan tidak wajar dilucuthakan, Responden kemudiannya membuat tuntutan terhadap harta yang disita tersebut dan pendakwa raya, berdasarkan s 32(2) (diandaikan kerana ketiadaan rekod dikepilkan), telah merujuk tuntutan responden itu kepada mahkamah sesyen untuk ditentukan, mahkamah seterusnya melalui saman kepada penuntut bertarikh 14 Mac 2012 (ms 15, rekod rayuan) memerlukan responden hadir ke mahkamah tersebut untuk tuntutannya ditentukan di bawah s 32(3) ADB (PH) 1988.

[6] Setelah perbicaraan penuh, hakim bicara pada 5 Mac 2013 memutuskan bahawa responden telah berjaya membuktikan harta yang disita bukanlah harta yang menyalahi undang-undang kerana responden telah tidak melakukan apa-apa kesalahan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB (PH) 1988. Hakim bicara seterusnya memutuskan supaya semua harta yang disita dan dituntut tersebut dipulangkan kepada responden.

HUJAHAN PIHAK-PIHAK

[7] Dalam alasan rayuannya, perayu menegaskan:

(a) hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila menyatakan bahawa pelucuthakkan harta tidak patut dibuat ke atas harta responden kerana responden tidak melakukan kesalahan berkaitan dengan pengedaran dadah berbahaya sedangkan keterangan jelas menunjukkan bahawa responden ditangkap atas kesalahan Akta Dadah Berbahaya;

(b) hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila menyatakan bahawa harta yang disita bukanlah harta yang menyalahi undang-undang sedangkan tiada apa-apa bukti yang ditunjukkan oleh responden bahawa harta yang disita bukan merupakan harta yang menyalahi undang-undang;

(c) hakim bicara telah terkhilaf mengenai fakta dan undang-undang apabila gagal untuk meneiiti keterangan saksi-saksi yang dipanggil oleh responden yang mana jelas sama sekali tidak menyokong keterangan responden dalam membuktikan bahawa harta yang disita ialah harta yang tidak menyalahi undang-undang;

(d) hakim mahkamah sesyen telah khilaf mengenai fakta dan undang-undang apabila gagal mengambil kira bahawa responden telah gagal untuk mematahkan anggapan di bawah s 35 Akta ini iaitu harta yang dirujuk ialah harta yang menyalahi undang-undang (*illegal property*).

[8] Timbalan pendakwa raya ('TPR') yang terpelajar menghujahkan bahawa

JOBNAME: No Job Name PAGE: 6 SESS: 1 OUTPUT: Thu Apr 17 09:18:41 2014
//caseml/case/mlj/2014_009_mlj_74

ADB (PH) 1988 terpakai kepada semua kesalahan di bawah ADB 1952 dan tidak hanya terbatas kepada kesalahan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB (PH) 1988 sahaja (kesalahan terjadual). Bagaimanapun, TPR menghujahkan bahawa kesalahan terjadual di atas hanya terpakai kepada prosiding di bawah ss 7 dan 8 ADB (PH) 1988. Memandangkan prosiding dalam rayuan ini dibawa di bawah s 32, yang dikatakan kesalahan terjadual tidak terpakai, maka pergantungan kepada Jadual tersebut dalam keputusan hakim bicara ternyata terkhilaf dari segi undang-undang.

[9] Peguam responden yang terpelajar (peguam) bersetuju dengan keputusan hakim bicara dan cuba menyakinkan mahkamah ini supaya mengekalkan keputusan itu. Peguam menghujahkan bahawa ADB (PH) 1988 tidak terpakai kepada semua kesalahan di bawah ADB 1952 tetapi tertakluk antara lain kepada Jadual Pertama ADB (PH) 1988. Dalam rujukan ini, responden dikatakan telah berjaya menunjukkan bahawa sitaan itu tidak didokong oleh undang-undang terutamanya tiada pembuktian yang telah dikemukakan untuk menunjukkan responden telah ditangkap, disiasat dan dituduh di bawah s 39B ADB 1952 atau apa-apa kesalahan terjadual berkenaan. Apa yang tidak dinafikan ialah responden telah dituduh dan mengaku salah ke atas kesalahan memiliki dadah berbahaya di bawah s 39A(2) ADB 1952, yang bukan satu kesalahan terjadual. Secara berkesannya, peguam menegaskan bahawa sitaan yang dibuat bukan ke atas harta yang menyalahi undang-undang (*illegal property*).

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[10] Untuk menghayati penghujahan dan saranan yang dikemukakan, peruntukan yang berkenaan perlulah dirujuk terlebih dahulu. Seksyen 32(3), setakat yang berkaitan, menyatakan:

> *Forfeiture of property seized under this Act where there is no prosecution, or no proceedings under Part III or no claim thereto*
>
> 32(1) Where *any property* has been *seized under this Act*, other than under or by virtue of Part VII, and —
>
> (a) no prosecution for any offence under any law is instituted with regard to such property;
>
> (b) no proceedings are commenced by the Public Prosecutor for the forfeiture of such property under Part III; and
>
> (c) no claim in writing is made by any person that he is lawfully entitled to such property and *that it is not liable to forfeiture under this Act or under the Dangerous Drugs Act 1952*, within three months from the date of its seizure, the property shall become forfeited immediately upon the expiration of the said period of three months.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 7 SESS: 1 OUTPUT: Thu Apr 17 09:18:41 2014
//caseml/case/mlj/2014_009_mlj_74

(2) Where within three months from the date of the seizure of any property under this Act, a claim in writing is made thereto by any person in the terms mentioned in paragraph (c) of subsection (1), the Public Prosecutor shall within fourteen days after the expiry of the said period of three months, refer such claim to a Sessions Court for its decision.

(3) The Sessions Court to which a claim is referred under subsection (2) shall issue a summons requiring the person claiming that he is lawfully entitled to the property, and the person from whom it was seized, if he and his whereabouts are known, to appear before the Court and upon such appearance or in default of such appearance, upon due service of such summons being proved, the Sessions Court shall proceed to the examination of the matter and if satisfied that *no offence under this Act or under the Dangerous Drugs Act 1952 has been committed in respect of the property claimed and that such property is not illegal property*, shall order the same to be released to the person claiming the same upon proof that he is lawfully entitled thereto, and shall, in any other case, order the property to be forfeited.

Seperti mana digariskan, pemakaian seksyen ini semestinya bermula dengan penyitaan sesuatu harta, alih atau tak alih, di bawah ADB (PH) 1988 dan di sini dikatakan di bawah s 25, iaitu harta alih, dan bagi tujuan tersebut maka wajar peruntukan tersebut diperturunkan di sini iaitu:

Seizure of movable property

25 (1) Any movable property which a senior police officer reasonably suspects to be the subject matter of an offence under this Act, or which has been used for the commission of that offence, or *illegal property*, *shall be liable to seizure*.

[11] Diperhatikan tidak semestinya apa yang telah disita itu akan juga dilucuthakan (*as a matter of course*). Terdapat beberapa kehendak atau syarat yang perlu ditunjukkan sebelum sesuatu harta yang disita itu boleh dilucuthakan atau sebaliknya. Seksyen 25 mewajarkan penyitaan atas dasar adanya syak yang munasabah bahawa: harta alih berkenaan merupakan hal perkara kesalahan di bawah ADB (PH) 1988, atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, atau harta itu ialah harta yang tidak sah. Namun di bawah s 32, harta itu boleh dilucuthakan selepas tamat tempoh tiga bulan ia dirampas jika:

(a) tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dijalankan berhubung dengan harta tersebut;

(b) tiada prosiding dimulakan oleh pendakwa raya untuk melucuthakan harta tersebut di bawah Bahagian III; dan

(c) tiada tuntutan bertulis dibuat dalam tempoh tiga bulan dari tarikh rampasan oleh mana-mana orang bahawa dia berhak secara sah ke atas harta tersebut dan harta tersebut tidak boleh dilucuthakan di bawah ADB (PH) 1988 atau ADB 1952.

Dalam keadaan di atas syak yang munasabah itu boleh mewajarkan andaian

JOBNAME: No Job Name PAGE: 8 SESS: 1 OUTPUT: Thu Apr 17 09:18:41 2014
//caseml/case/mlj/2014_009_mlj_74

adanya sebab yang munasabah bagi harta berkenaan dilucuthakan terutamanya jika harta itu ialah harta yang tidak sah.

[12] Bagaimanapun jika ada apa-apa tuntutan dibuat dalam tempoh tiga bulan itu, pendakwa raya hendaklah, selaras dengan kehendak s 32(2) berkenaan, merujuk tuntutan itu ke mahkamah sesyen untuk ditentukan.

Mahkamah sesyen akan hanya membenarkan tuntutan tersebut jika berpuas hati bahawa:

(a) tiada kesalahan di bawah ADB (PH) 1988 atau ADB 1952 telah dilakukan berhubung dengan harta yang dituntut itu; dan

(b) harta tersebut bukanlah satu harta yang tidak sah.

Berlandaskan prinsip yang telah mantap seperti mana yang telah diputuskan dalam *Public Prosecutor v Tan Lee Koh* [1998] 2 MLJ 65, dan *Cherian a/l KC George & Anor v Public Prosecutor* [2012] 4 MLJ 537, beban untuk membuktikan bahawa harta tersebut tidak harus dilucuthakan terletak kepada penuntut dan pendakwa raya tidak mempunyai apa-apa beban sedemikian.

[13] Dalam kes rayuan ini tidak dinafikan atau tidak dipertikaikan bahawa tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang, termasuk ADB (PH) 1988 atau ADB 1952, dijalankan berhubung dengan harta tersebut, dan tiada apa-apa prosiding telah dimulakan oleh pendakwa raya bagi pelucuthakan harta itu di bawah Bahagian III ABD (PH) 1988. Adakah ini memadai bagi mahkamah sesyen untuk melepaskan harta tersebut kepada responden, atau perlukah responden membuktikan bahawa harta itu bukan harta yang tidak sah atau mematahkan andaian bahawa harta itu bukan harta yang tidak sah? Dalam hal ini, walaupun saya bercenderungan untuk memutuskan bahawa andaian di bawah s 35 ADB (PH) 1988 tidak terpakai bagi prosiding di bawah s 32 ini, dan bersetuju dengan keputusan kes *Hong Leong Bank Bhd v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 546; [2009] 8 CLJ 463, namun saya terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam *Cherian a/l KC George & Anor v Public Prosecutor*, yang memutuskan bahawa andaian di bawah s 35 terpakai bagi prosiding rujukan di bawah s 32 ini. Dalam keadaan itu, responden diperlukan untuk mematahkan andaian harta yang disita itu ialah harta yang tidak sah demi menyakinkan mahkamah untuk membenarkan tuntutannya.

[14] Pada pandangan saya perkara yang paling utama di sini melibatkan persoalan sama ada harta alih yang disita di sini ialah harta yang tidak sah. Resolusi isu ini boleh menjadi penentu kepada rayuan ini. Unggapan 'harta yang tidak sah', ditakrifkan dalam s 2 seperti yang berikut:

JOBNAME: No Job Name PAGE: 9 SESS: 1 OUTPUT: Thu Apr 17 09:18:41 2014
//caseml/case/mlj/2014_009_mlj_74

'illegal property' means any property, whether within or outside Malaysia —

(a) which is wholly or partly derived or obtained from or by means of *any prohibited activity* carried out by any person after the commencement of this Act;

(b) which is the income, earnings or assets wholly or partly derived or obtained from or by means of any property referred to in paragraph (a);

(c) which is wholly or partly derived or obtained from or by means of any property referred to in paragraph (a) or (b);

(d) which is wholly or partly traceable or attributable to any property referred to in parags (a), (b), or (c), or to any income, earnings or assets of any such property;

(e) which, after the commencement of this Act, is or was used to assist or facilitate any prohibited activity;

(f) which is the subject matter of an offence under ss 3, 4, or sub-s 24(7) or of any Scheduled offence committed after the commencement of this Act; or

(g) which, due to any circumstance such as, but not limited to, its nature, value, location or place of discovery, or the time, manner or place of its acquisition, or the person from whom it was acquired, or its proximity to other property referred to in the foregoing paragraphs, can be reasonably believed to be property falling within the scope of any of the foregoing paragraphs.

Manakala unggapan 'prohibited activity' ditakrifkan:

'prohibited activity' means any act, activity, or conduct taking place in whole or in part within or outside Malaysia which:

(a) constitutes an offence under ss 3 or 4 of this Act, or under any foreign law corresponding thereto or which *constitutes a Scheduled offence*; or

(b) *although not constituting such an offence*, is of such a nature or occurs in such circumstances that it could be reasonably believed therefrom that it would have ultimately resulted in or led to the commission of such an offence.

Takrifan di atas dengan jelas menunjukkan komponen utama dalam makna harta yang tidak sah ialah aktiviti yang terlarang. Aktiviti yang terlarang ini pula dengan jelas terbahagi kepada dua kategori seperti ditunjukkan dalam cabang (a) dan (b) di atas. Kedudukan ini mempunyai implikasi kritikal di sini.

[15] Di sinilah penghujahan peguam boleh dihayati. Seperti mana dibayangkan di atas, peguam responden menegaskan bahawa harta yang hendak dilucuthakan di sini tidak terjumlah kepada harta yang tidak sah kerana kesalahan yang dikatakan telah dilakukan oleh responden tidak terjatuh dalam mana-mana kategori kesalahan terjadual, Jadual Pertama ADB (PH) 1988. Jadual Pertama tersebut memperuntukkan:

JOBNAME: No Job Name PAGE: 10 SESS: 1 OUTPUT: Thu Apr 17 09:18:41 2014
//caseml/case/mlj/2014_009_mlj_74

FIRST SCHEDULE

(Subsection 2 (2))

Item	Offence
1.	An offence under subsection 6B(1) and punishable under subsection 6B(3) of the Dangerous Drugs Act 1952.
2.	An offence under subsection 39B(1) and punishable under subsection 39B(2) of the Dangerous Drugs Act 1952.
3.	An abetment of the commission of, or an attempt to commit, or an act preparatory to or in furtherance of the commission of, an offence specified under Item 1 or 2, punishable under section 33 read with sections 6BB(3) and 39B(2) respectively of the Dangerous Drugs Act 1952.
4.	An offence under section 34 of the Dangerous Drugs Act 1952 in relation to an offence specified under Item 1 or 2.
5.	Any offence under any foreign law corresponding to the provision for an offence specified under Item 1, 2, 3, or 4.

[16] Responden di sini telah dituduh dan mengaku bersalah bagi kesalahan memiliki dadah berbahaya jenis ganja di bawah s 39A(2) ADB 1952. Responden juga dalam keterangannya menyatakan bahawa dadah tersebut adalah untuk kegunaannya sendiri dan bukan untuk diperedarkan. Ini tidak berjaya dicabar oleh perayu. Peguam menegaskan bahawa kesalahan s 39A(2) tidak disenaraikan dalam Jadual Pertama di atas dan bukan merupakan kesalahan terjadual. TPR pula mengatakan itu tidak tepat kerana rujukan di bawah s 32 merujuk kepada semua kesalahan di bawah ADB 1952 dan tidak seharusnya dibataskan kepada kesalahan terjadual dalam Jadual Pertama tersebut. Saya berpendapat penghujahan TPR itu tidak tepat di sini dan bertentangan dengan takrifan 'harta yang tidak sah' itu sendiri. Dari sudut ini saya bersetuju dengan penghujahan peguam dan keputusan hakim bicara. Jika hendak dilihat dari sudut andaian di bawah s 35 ADB (PH) 1988, sekalipun saya berpendapat responden telah berjaya mematahkan andaian tersebut.

[17] Saya juga berpendapat responden juga telah berjaya menunjukkan bahawa cabang kedua kepada makna aktiviti yang terlarang, komponen utama dalam takrifan harta yang tidak sah, tidak terpakai dalam kesnya. Seperti dibuktikan, dadah yang dimiliki oleh responden hanyalah untuk diguna sendiri dan bukan untuk diperedarkan atau digunakan untuk apa-apa aktiviti yang boleh menjurus kepada kesalahan terjadual, Jadual Pertama itu. Diperhatikan saksi perayu sendiri iaitu SP5 juga tidak dapat memberi kepastian mengenai kedudukan siasatan kes tangkapan berkenaan dadah berbahaya tersebut viz: siasatan di bawah s 39B atau sebaliknya, dan dia hanya diserahkan dengan kes ini oleh Inspektor Wahidah, pegawai penyiasat dalam siasatan ADB 1952, bagi tujuan ADB (PH) 1988. Malangnya Inspektor Wahidah tidak dipanggil untuk memberi keterangan mengenai perkara

JOBNAME: No Job Name PAGE: 11 SESS: 1 OUTPUT: Thu Apr 17 09:18:41 2014
//caseml/case/mlj/2014_009_mlj_74

tersebut. Dicatatkan juga bahawa SP5 bukanlah pegawai yang membuat rampasan harta ini. Pegawai tersebut ialah Ketua Inspektor Yusri Zainal, yang tidak juga hadir di mahkamah untuk memberi keterangan. SP5 dalam keterangannya mengatakan ADB (PH) 1988 ini terpakai kepada semua kesalahan di bawah ADB 1952 dan ini berkemungkinan besar menyebabkan perayu berpendapat tidak perlunya mengemukakan keterangan yang mantap untuk menunjukkan bahawa cabang kedua kepada takrifan aktiviti terlarang terpakai dalam isu ini. Saya berpendapat jika responden pada asalnya dipertuduhkan dengan kesalahan di bawah s 39B ADB 1952 tetapi kemudiannya dikurangkan kepada kesalahan di bawah s 39A(2) ADB 1952, itu boleh terjatuh dalam cabang kedua kepada takrifan aktiviti terlarang dan dengan itu termasuk dalam makna harta yang tidak sah. Namun, itu bukannya kes di sini.

[18] Secara keseluruhannya, saya merumuskan bahawa dengan resolusi isu di atas, yang lebih merupakan persoalan undang-undang, saya sependapat dengan keputusan hakim bicara untuk membenarkan tuntutan responden. Dengan itu saya menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan hakim bicara.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed